

31/10/1997

BN perlu menang di Sungai Bakap

KUALA LUMPUR, Khamis - Pengundi di kawasan pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Bakap perlu memastikan kemenangan calon Barisan Nasional (BN) bagi membuktikan rakyat sentiasa bersatu ketika negara dilanda pelbagai krisis semasa.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, ketika membuat gesaan itu berkata, kemenangan juga akan menjadi bukti sokongan rakyat kepada kerajaan dan BN pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita jangkakan pengundi akan dikelirukan oleh DAP melalui pelbagai isu semasa dan hanya kemenangan menjadi bukti yang mereka menolak parti pembangkang sepenuhnya dan menerima kepimpinan BN," katanya.

Bercakap kepada pemberita di rumah terbuka Deepavali anjuran parti itu di sini hari ini, beliau berkata DAP dijangka memainkan isu seperti jerebu, krisis nilai mata wang, pasaran saham dan kenaikan barangan dalam usaha menarik perhatian pengundi.

Calon BN mewakili Gerakan, Lai Chew Hock, 32 akan berdepan dengan tiga lawan dalam pertandingan empat penjuru itu. Beliau akan menghadapi calon DAP, Goh Kheng Huat, 34 serta dua calon bebas, Ganesh Kailasam, 44, dan Abu Harith Ahmad, 40.

Penamaan calon bagi pilihan raya kecil itu diadakan semalam, manakala hari mengundi akan diadakan pada 8 November depan.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian ahli DUN kawasan berkenaan, Ooi Theng Bok dalam kemalangan jalan raya pada 23 September lalu.

Sungai Bakap mempunyai 16,589 pengundi dengan 47.96 peratus Melayu, 35.59 peratus Cina, 16.44 peratus India dan 0.01 lain-lain bangsa.

Dr Lim yang juga Menteri Perusahaan Utama, berkata semua isu itu berlaku bukan kerana kelemahan pentadbiran kerajaan tetapi disebabkan oleh faktor luaran.

Justeru, beliau meminta rakyat, terutama penduduk kawasan terbabit supaya tidak panik kerana kerajaan sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah itu.

"Penerangan seperti ini perlu kerana DAP sudah pasti mainkan masalah ini. Mereka kata BN bukan Barisan Nasional, tapi Barang Naik. Cogan kata ini sangat efektif dan perlu ditangani," katanya.

(END)